



Soalan-Soalan Lazim untuk Pembiayaan Mikro BangKIT

BANK ISLAM

Amanah Terjamin. Nilai Terhasil.

603 26 900 900 • www.bankislam.com
facebook.com/bankislam

Bank Islam Malaysia Berhad • 198301002944 (98127-X)



Pelanggan dinasihati untuk membaca dan memahami terma dan syarat yang sedia ada melalui laman web kami www.bankislam.com sebelum bersetuju untuk melanggan mana-mana produk atau perkhidmatan dan/atau mengambil bahagian dalam mana-mana kempen dan promosi kami.

No.	Soalan	Jawapan Rasmi
1.	Apakah Pembiayaan Mikro BangKIT?	<p>Pembiayaan Mikro BangKIT adalah kemudahan yang direka khusus untuk usahawan mikro dari segmen masyarakat yang belum layak mendapat pembiayaan dari bank ("underbankable/ unbankable") yang ingin memulakan atau mengembangkan perniagaan.</p> <p>Bank Islam bekerjasama dengan Rakan Pelaksana yang dilantik untuk mengenal pasti usahawan mikro yang berpotensi di kalangan ahli, penerima manfaat atau pihak berkepentingan yang berkelayakan.</p> <p>Usahawan mikro yang ditawarkan Pembiayaan Mikro BangKIT perlu mengikuti program latihan dan bimbingan perniagaan anjuran Rakan Pelaksana tersebut.</p>
2.	Apakah matlamat Pembiayaan Mikro BangKIT?	<p>Matlamat Pembiayaan Mikro BangKIT ialah membantu usahawan mikro untuk menerima pembiayaan bagi tujuan:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Perbelanjaan modal; dan/ atau b) Modal pusingan. <p><i>Nota:</i> BangKIT tidak boleh digunakan untuk pembiayaan semula kemudahan kredit/pembiayaan yang sedia ada.</p>
3.	Bagaimanakah Pembiayaan Mikro BangKIT ini dijalankan oleh Bank Islam?	<p>Bank Islam bekerjasama dengan Rakan Pelaksana yang dilantik untuk mengenal pasti usahawan mikro yang berpotensi di kalangan ahli, penerima manfaat atau pihak berkepentingan.</p> <p>Usahawan mikro yang ditawarkan Pembiayaan Mikro BangKIT perlu mengikuti program latihan dan bimbingan perniagaan anjuran Rakan Pelaksana. Setelah tamat program latihan tersebut, Bank Islam akan mengeluarkan Pembiayaan Mikro BangKIT kepada usahawan mikro.</p> <p>Sepanjang tempoh pembiayaan, peminjam akan dipantau oleh Rakan Pelaksana untuk bimbingan dan nasihat dalam membangunkan perniagaan.</p> <p>Sepanjang tempoh program, peminjam digalakkan melakukan komitmen spiritual seperti Solat Sunat Dhuha dan membaca Surah Al-Waqi'ah setiap hari (bagi Peminjam yang beragama Islam).</p> <p>Peminjam juga digalakkan memberikan sedekah kepada Sadaqa House supaya dapat menambahkan dana untuk dipinjamkan kepada peminjam-peminjam lain.</p>
4.	Apakah konsep Syariah yang digunakan?	<p>Pembiayaan ini adalah berlandaskan kontrak Qard di bawah konsep Syariah iaitu pinjaman tanpa faedah.</p>
5.	Siapakah yang layak memohon?	<p>Usahawan mikro yang memenuhi kriteria kelayakan berikut layak untuk memohon bagi pertimbangan Bank Islam:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) sama ada syarikat Pemilikan Tunggal atau Perkongsian; ii. Mempunyai pelan perniagaan berdaya maju yang menunjukkan aliran tunai yang positif untuk membayar balik pinjaman; iii. Mempunyai akaun dengan Bank Islam; iv. Diperkenalkan oleh Rakan Pelaksana yang telah dilantik oleh Bank Islam. <p>Selain daripada itu, pemohon mestilah:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Mempunyai rekod kredit yang bersih dan tidak disenarai hitam (CCRIS & CTOS). ii. Tiada rekod di dalam sistem DCHEQ (Dishonoured Cheque Information System) dalam tempoh 12 bulan sebelum ini. iii. Tidak dikenakan sebarang tindakan undang-undang. iv. Tidak diisyiharkan sebagai bankrap/ muflis. v. Aktiviti perniagaan adalah patuh Syariah dan undang-undang.

No.	Soalan	Jawapan Rasmi
6.	Siapakah Rakan Pelaksana yang dilantik oleh Bank Islam?	<p>Bermula November 2020, Rakan Pelaksana yang telah dikenal pasti berdasarkan segmen fokus masing-masing adalah seperti yang berikut:</p> <p>Pemerkaasan Wanita</p> <ul style="list-style-type: none"> 1) People Systems Consultancy Sdn Bhd 2) MADCAT World Sdn Bhd <p>Usahawan Siswa dan Belia</p> <ul style="list-style-type: none"> 1) Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor 2) Universiti Malaysia Kelantan <p>Usahawan Sosial</p> <ul style="list-style-type: none"> 1) Chamber of Social Entrepreneur Development <p>Petani dan Nelayan</p> <ul style="list-style-type: none"> 1) Mercy Mission Malaysia <p>Pasar-pasar Ikonik (Akan dimaklumkan kemudian)</p> <p>Senarai Rakan Pelaksana ini akan ditambah dari semasa ke semasa.</p>
7.	Apakah peranan Rakan Pelaksana dalam Pembiayaan Mikro BangKIT?	<p>Antara peranan Rakan Pelaksana ialah:</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Mengenal pasti peminjam yang berpotensi di kalangan ahli, penerima manfaat atau pihak berkepentingan. ii. Menganjurkan latihan dan bimbingan perniagaan kepada peminjam. iii. Memantau prestasi perniagaan peminjam dan memberi bimbingan dari semasa ke semasa.
8.	Bilakah permohonan Pembiayaan Mikro BangKIT ini dibuka?	Permohonan dibuka bermula 25 November 2020.
9.	Bagaimanakah cara untuk memohon?	<p>Maklumat lanjut berkaitan inisiatif ini boleh didapati di laman web Bank Islam: https://www.bankislam.com/corporate-info/social-finance-bank-islam/</p> <p>Permohonan berserta dokumen yang lengkap perlu dihantar melalui e-mel ke: sadaqahouse@bankislam.com.my setelah mendapat pengesahan dari Rakan Pelaksana berkenaan.</p>
10.	Apakah dokumen yang diperlukan untuk memohon Pembiayaan Mikro BangKIT?	<p>Dokumen yang diperlukan ialah:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Borang permohonan yang lengkap. 2. Salinan kad pengenalan 3. Maklumat perniagaan seperti jenis perniagaan, alamat perniagaan, pendapatan setahun, maklumat pemilik perniagaan, bilangan pekerja, dan lain-lain. 4. Salinan bukti pendapatan perniagaan (contoh: Borang B Cukai Pendapatan, penyata bank 6 bulan terkini) 5. Salinan bukti operasi perniagaan (contoh: pendaftaran perniagaan, permit bermiaga, dan lain-lain); 6. Salinan bil utiliti; dan 7. Lain-lain dokumen yang relevan.
11.	Berapakah amaun pembiayaan?	<p>Amaun pembiayaan:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Untuk memulakan perniagaan Minimum : RM 500-00 Maksimum : RM3,000-00 b) Untuk mengembangkan perniagaan Minimum : RM3,000-00 Maksimum : RM20,000-00

No.	Soalan	Jawapan Rasmi
12.	Berapakah tempoh bayaran balik?	Tempoh bayaran: Di antara 6 bulan hingga 3 tahun
13.	Berapakah kadar keuntungan yang dikenakan?	Tiada kadar keuntungan dikenakan.
14.	Bagaimana cara pembiayaan ini disalurkan kepada peminjam?	<p>Usahawan mikro yang ditawarkan Pembiayaan Mikro BangKIT wajib mengikuti program latihan pembangunan perniagaan di bawah Rakan Pelaksana yang dilantik oleh Bank Islam.</p> <p>Setelah tamat program latihan tersebut, Rakan Pelaksana akan memberi pengesahan kehadiran peminjam dalam program latihan tersebut, amanah pembiayaan akan disalurkan terus ke akaun peminjam di Bank Islam.</p> <p>Dalam kes tertentu, amanah pembiayaan akan dibayar terus kepada pembekal untuk pembelian peralatan perniagaan.</p>
15.	Bagaimana cara peminjam membayar balik Pembiayaan Mikro BangKIT?	Pembayaran balik Pembiayaan Mikro BangKIT adalah secara bulanan atau cara lain yang dipersetujui dengan Bank Islam.
16.	Apakah tanggungjawab peminjam yang menerima Pembiayaan Mikro BangKIT?	Peminjam yang menerima Pembiayaan Mikro BangKIT perlu menjelaskan bayaran balik sebagaimana yang dipersetujui dengan Bank Islam sehingga selesai.
17.	Bagaimana sekiranya peminjam gagal memenuhi tanggungjawab menjelaskan bayaran balik?	Bank Islam akan mengeluarkan notis tuntutan kepada peminjam untuk menuntut peminjam menjelaskan segera jumlah terutang dan tertunggak.
18.	Bagaimana sekiranya peminjam membuat bayaran penuh sebelum tamat tempoh pembiayaan?	Peminjam boleh membuat penyelesaian pembiayaan sebelum tamat tempoh pembiayaan tanpa dikenakan apa-apa caj.
19.	Adakah terdapat yuran dan caj yang dikenakan terhadap pembiayaan?	Tiada sebarang caj yang dikenakan. Namun, peminjam digalakkan untuk memberi sedekah kepada Sadaqa House supaya dapat menambahkan dana untuk dipinjamkan kepada peminjam-peminjam lain.
20.	Adakah penjamin diperlukan?	Penjamin tidak diperlukan.
21.	Adakah cagaran diperlukan?	Cagaran tidak diperlukan.
22.	Berapa lama tempoh untuk mengikuti program latihan pembangunan perniagaan?	Tempoh latihan pembangunan perniagaan yang wajib diikuti akan dimaklumkan kepada peminjam yang diluluskan mengikut modul yang ditetapkan oleh Rakan Pelaksana.
23.	Bagaimanakah sekiranya peminjam menghadapi kesulitan untuk membuat pembayaran balik?	<p>Sekiranya peminjam menghadapi kesulitan membuat pembayaran balik, peminjam perlu menghubungi Pusat Kewangan Sosial, Bank Islam dengan segera untuk membincangkan pilihan pembayaran.</p> <p>Pusat Kewangan Sosial, Bank Islam boleh dihubungi seperti berikut :</p> <p>Pusat Kewangan Sosial, Bank Islam Malaysia Berhad Tingkat 27, Menara Bank Islam, No. 22, Jalan Perak, 50450 Kuala Lumpur, No. Tel: 03-2088 8243 E-mel: sadaqahouse@bankislam.com.my</p>

No.	Soalan	Jawapan Rasmi
24.	Di manakah peminjam boleh dapatkan maklumat lanjut tentang Program Pembiayaan Mikro BangKIT?	<p>Maklumat lanjut mengenai BangKIT boleh dicapai melalui:</p> <ol style="list-style-type: none">1. Laman web Bank Islam: https://www.bankislam.com/corporate-info/social-finance-bank-islam/2. Facebook Bank Islam: facebook.com/bankislam3. Facebook Sadaqa House Bank Islam : facebook.com/sadaqahouse4. E-mel: sadaqahouse@bankislam.com.my <p>Selain itu, anda juga boleh menghubungi:</p> <p>Pusat Panggilan & Khidmat Pelanggan Bank Islam Malaysia Berhad Tingkat 17, Menara Bank Islam, No. 22, Jalan Perak, 50450 Kuala Lumpur No. Tel: 03-26 900 900 No. Faks: 03-2782 1337 E-mel: contactcenter@bankislam.com.my</p>